


KELEBIHAN

MALAM NISFU SYA'BAN

OLEH

AL MUHADDITH AL HAFIZ
SYEIKH SALIM AL SANHURI AL MALIKI رحمه الله

DIKELUARKAN OLEH
DATO' HJ. MUHAMMAD FUAD BIN KAMALUDIN
PENGERUSI PERTUBUHAN TAREKAT MUHAMMADIAH (FATIM)

KELEBIHAN
MALAM NISFU SYA'BAN

Oleh
Al Muhaddith Al Hafiz
Syeikh Salim Al Sanhuri Al Maliki رحمه الله

Dikeluarkan Oleh
Dato" Hj. Muhammad Fuad bin Kamaludin
Pengerusi Pertubuhan Tarekat Muhammadiah (FATIM)

KELEBIHAM MALAM NISFU SYA'BAN

© Hak Cipta Terpelihara

Cetakan Keempat
Sya'ban 1437/Mei 2016

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara sekali pun, sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada penerbit.

PERTUBUHAN TAREKAT MUHAMMADIAH
Jalan 16A, Taman Dato' Ahmad Razali,
68000 Ampang, Selangor, Darul Ehsan.

TEL: 03 4266 4189 H/P: 019 3058080
FAKS: 03 4266 4187
EMAIL: muhammadiah18@gmail.com

CETAKAN
KOPERASI AS SOFA
H/P: 013 3302143 / 019 3795577

Intisari

Kandungan | **Muka Surat**

Muqaddimah



الْحَمْدُ لِله رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الأَنْبِيَاءِ وَالْـمُرْسَلِيْنَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

Alhamdulillah, kitab yang bertajuk **'Kelebihan Malam Nisfu Sya'ban'** ini dapat saya terbitkan pada bulan Sya'ban yang mulia ini. Kitab ini adalah hasil terjemahan dari kitab yang dikarang oleh seorang ulama' besar al Azhar al Syarif pada kurun ke-8, al Muhaddith Syeikh Salim al Sanhuri رحمه الله yang bertajuk:

رِسَالَةُ الْكَشْفِ وَالْبَيَانِ عَنْ فَضَائِلِ لَيْلَةِ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ

Muqaddimah

Setelah menyambut bulan Rejab dengan kelebihan Isra’ dan Mi’raj, maka pada kali ini kita diberi peluang menyambut bulan Sya’ban dengan kelebihan malam Nisfu Sya’ban. Seterusnya, kita akan menyambut pula bulan Ramadhan dengan kelebihan Lailatul Qadar yang kita nanti-nantikan.

Alhamdulillah, Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Pemurah telah mengurniakan kelebihan yang banyak pada bulan-bulan ini untuk menambah taqarrub dan ‘ubudiyyah hamba-hamba yang dikasihi kepadaNya. Untuk lebih menghayati bulan Ramadhan, bulan Rejab dan Sya’ban dijadikan sebagai kelas persediaan untuk memasuki gerbang Ramadhan. Rasulullah ﷺ sendiri tidak melepaskan peluang menghidupkan malam Nisfu Sya’ban dengan bersolat dan berdoa.

Namun, mutakhir ini, ketibaan Nisfu Sya'ban yang sepatutnya disambut dengan sebaik-baik amalan menjadi medan pertempuran dan pertelagahan pendapat umat Islam sama ada ia diharuskan ataupun tidak. Hingga ke hari ini, perselisihan ini masih berpanjangan, sekalipun boleh diselesaikan di bawah etika adab-adab perselisihan pendapat.

Memandangkan, pengarang hanya mengemukakan hadith-hadith berkaitan kelebihan malam Nisfu Sya'ban dan serba sedikit tentang amalan pada malam tersebut, maka pada bahagian akhir kitab ini saya menambah ruangan pendapat Ahli Salaf tentang keharusan menghidupkan malam Nisfu Sya'ban bagi meneutralkan sedikit sebanyak ketegangan yang melanda pemikiran umat Islam.

Saya memohon keampunan kepada Allah dan pengarang kitab ini sekiranya terdapat sebarang kekurangan dan kesilapan dalam saya menterjemahkan kitab ini.

Semoga kita sama-sama dapat menghayati dan mengambil manfaat dengan kehadiran bulan yang mulia ini dan tergolong dalam kalangan hamba-hambaNya yang sentiasa mendapat keberkatan dan hidayah daripadaNya.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى خَيْرِ خَلْقِهِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،

وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Dikeluarkan oleh

Al Faqir ilallah al Mu'in

Dato' Hj. Muhammad Fuad bin Kamaludin

Selesai pada 11 Oktober 2003M / 04 Sya'ban 1423H

Muqaddimah PENGARANG

Telah berkata Syeikh al Imam al Alim al 'Allamah al 'Umdah al Muhaddith al Hafiz Salim al Sanhuri al Maliki[1] – semoga Allah

---

[1] Beliau ialah al 'Allamah al Faqih al Mufti Syeikh Salim ibn Muhammad ibn 'Izz al Din ibn Muhammad Nasir al Din al Sanhuri al Misri al Maliki.

Dilahirkan pada tahun 945 Hijrah bersamaan 1538 Masihi di Sanhur. Kemudian, beliau berhijrah ke Kaherah untuk menimba ilmu daripada para ulama' di sana. Antaranya, Syeikh Abd al Salam al Asmar. Beliau merupakan faqih yang mahir dan telah diangkat serta diiktiraf sebagai Mufti Mazhab Maliki di Mesir pada zamannya. Beliau juga menulis beberapa buah kitab, antaranya ialah kitab yang mensyarahkan **Mukhtasar Syeikh Khalil** bagi Mazhab

mengharumkan kuburnya dan menjadikan syurga sebagai tempat kembalinya. Amin:

Ini ialah ringkasan dari kalam syeikh kami; keberkatan kaum Muslimin, penutup segala ahli hadith, Syeikh al Islam Najm al Din al Ghaiti, mengenai malam Nisfu Sya'ban untuk memudahkan saudara dan sahabat saya (memahami kelebihannya) dengan pertolongan Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Mengasihani.

Maliki. Karya hebatnya ini bertajuk, **Taisir al Malik al Jalil fi Jam'i al Syuruh wa Hawasyi al Khalik** mencecah setebal 9 jilid. Beliau juga telah mengarang sebuah kitab mengenai kelebihan Malam Nisfu Sya'ban bertajuk **Fadhl Lailah al Nisf min Sya'ban** yang diterjemahkan ini.

Beliau wafat di Kaherah pada tahun 1015 Hijrah bersamaan 1606 Masihi.

NAMA-NAMA MALAM NISFU SYA'BAN



Terdapat beberapa nama lain bagi malam Nisfu Sya'ban. Antaranya ialah **Lailah al Mubarakah** yang bermaksud malam yang berkat.

Abu al Abbas Ibnu 'Ato' berkata: Malam Nisfu Sya'ban dinamakan malam yang berkat kerana pada malam tersebut para malaikat turun dan menghampiri bumi.

Dalam sebuah hadith, diriwayatkan bahawa Sayyidah 'Aisyah رضي الله عنها berkata: Saya mendengar Rasulullah صلى الله عليه وآله وسلم bersabda:

يَسِحُّ اللهُ الْخَيْرَ فِي أَرْبَعِ لَيَالٍ سَحًّا، وَذَكَرَ مِنْهَا لَيْلَةَ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ.

"Allah melimpahkan kebaikan pada empat malam dan dari keempat-empat malam tersebut, Baginda ﷺ menyebut malam Nisfu Sya'ban."

Lailah Al Qasamah dan Al Taqdir

Malam Nisfu Sya'ban juga disebut sebagai malam **Qasamah** dan **Taqdir** (pembahagian qadha' dan qadar).

Diriwayatkan daripada Ato' ibn Yasar berkata:

إِذَا كَانَتْ لَيْلَةُ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ نَسَخَ مَلَكُ الْـمَوْتِ كُلَّ مَنْ يَمُوْتُ مِنْ شَعْبَانَ إِلَىٰ شَعْبَانَ، وَإِنَّ الرَّجُلَ

لَيَظْلِمُ وَيَفْجُرُ وَيَنْكِحُ النِّسْوَانَ وَيَغْرِسُ الأَغْرَاسَ وَقَدْ نُسِخَ اسْمُهُ مِنَ الأَحْيَآءِ إِلَىٰ الأَمْوَاتِ، وَمَا مِنْ لَيْلَةٍ بَعْدَ لَيْلَةِ الْقَدْرِ أَفْضَلُ مِنْهَا.

"Apabila tiba malam Nisfu Sya'ban, malaikat maut menulis nama orang yang akan meninggal dunia pada bulan Sya'ban tersebut sehingga bulan Sya'ban berikutnya. Sesungguhnya seseorang itu melakukan kezaliman, kejahatan, bernikah dan menanam tanamannya, sedangkan namanya telah dipindahkan dari Dewan orang yang hidup kepada Dewan orang mati. Tidak ada suatu malam selepas malam Lailatul Qadar yang lebih mulia daripada malam Nisfu Sya'ban."

Dalam satu riwayat daripada Ato' ibn Yasar juga, beliau berkata:

إِذَا كَانَ لَيْلَةُ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ دُفِعَ إِلَىٰ مَلَكِ الْـمَوْتِ صَحِيْفَةٌ، فَيُقَالُ: اقْبِضْ مَنْ فِي هٰذِهِ الصَّحِيْفَةِ، فَإِنَّ الْعَبْدَ لَيَغْرِسُ الأَغْرَاسَ، وَيَنْكِحُ الأَزْوَاجَ، وَيَبْنِي الْبُنْيَانَ، وَإِسْمُهُ قَدْ نُسِخَ فِي الْـمَوْتَىٰ، وَمَا يَنْتَظِرُ مَلَكُ الْـمَوْتِ إِلَّا أَنْ يُؤْمَرَ بِهِ فَيَقْبِضَهُ.

"Apabila tiba malam Nisfu Sya'ban, diserahkan kepada malaikat maut Sahifah (buku) yang mengandungi nama makhluk yang akan meninggal dunia, maka dikatakan kepadanya: "Cabutlah nyawa orang-orang yang terdapat namanya di dalam Sahifah ini. Seseorang hamba itu menanam tanaman, menikahi pasangannya dan membina bangunan sedangkan namanya telah diletakkan di dalam Dewan Orang Mati. Tidaklah malaikat maut

menunggu melainkan saat dia diperintahkan mencabutnya, maka dia pun mencabutnya.”

Diriwayatkan daripada Uthman ibn Muhammad ibn al Mughirah ibn al Akhfash berkata:

تُقْطَعُ الآجَالُ مِنْ شَعْبَانَ إِلَىٰ شَعْبَانَ، وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيَنْكِحُ وَقَدْ خَرَجَ إِسْمُهُ فِي الْـمَوْتَىٰ.

“Diputuskan semua ajal daripada satu Sya’ban kepada Sya’ban berikutnya. Sesungguhnya seseorang itu bernikah sedangkan namanya telah dikeluarkan di dalam Dewan Orang Mati.”

Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas ﵄ berkata:

إِنَّ اللهَ ﷻ لَيَقْضِي الأَقْضِيَّةَ كُلَّهَا لَيْلَةَ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ وَيُسَلِّمُهَا إِلَىٰ أَرْبَابِهَا لَيْلَةَ الْقَدْرِ.

"Sesungguhnya Allah ﷻ akan memutuskan semua qadha' hambaNya pada malam Nisfu Sya'ban dan menyerahkannya kepada tuan-tuannya pada malam Lailatul Qadar."

Dalam satu riwayat menyatakan:

لَيْلَةُ السَّابِعِ وَالْعِشْرِيْنَ.

"Pada malam ke-27 Ramadhan."

Diriwayatkan, bahawa Sayyidah 'Aisyah رضي الله عنها berkata:

كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ يَصُوْمُ حَتَّىٰ نَقُوْلَ لَا يُفْطِرُ، وَيُفْطِرُ حَتَّىٰ نَقُوْلَ لَا يَصُوْمُ، وَكَانَ أَكْثَرُ صِيَامِهِ فِي شَعْبَانَ، فَقُلْتُ: يَا رَسُوْلَ اللهِ، أَرَاكَ أَكْثَرُ صِيَامِكَ فِي شَعْبَانَ، قَالَ: يَا عَائِشَةُ، إِنَّهُ شَهْرٌ يُنْسَخُ فِيْهِ لِـمَلَكِ

الْـمَوْتِ مَنْ يُقْبَضُ، وَأَنَا أُحِبُّ أَنْ لَا يُنْسَخَ إِسْمِيْ إِلَّا وَأَنَا صَائِمٌ.

"Rasulullah ﷺ berpuasa sehingga kami berkata Baginda ﷺ tidak berbuka, dan Baginda ﷺ berbuka sehingga kami berkata Baginda ﷺ tidak berpuasa dan kebanyakan puasa Baginda ﷺ ialah pada bulan Sya'ban. Maka saya berkata, "Wahai Rasulullah! Saya melihat kebanyakan puasamu ialah pada bulan Sya'ban." Jawab Baginda ﷺ, "Wahai Aisyah! Sesungguhnya ia adalah bulan diserahkan kepada malaikat maut nama-nama yang akan dicabut nyawanya dan saya suka nama saya tidak ditulis melainkan ketika saya sedang berpuasa."

Di dalam satu riwayat daripada Aisyah رضي الله عنها berkata:

مَا كَانَ يَصُوْمُ فِي شَهْرٍ مِنَ الشُّهُوْرِ بَعْدَ رَمَضَانَ أَكْثَرَ صِيَامٍ فِي شَعْبَانَ.

"Tidaklah Baginda ﷺ berpuasa pada bulan daripada bulan-bulan selepas Ramadhan yang lebih banyak puasanya daripada bulan Sya'ban."

Sabda Rasulullah ﷺ:

إِنَّ الأَسْمَاءَ تُنْسَخُ مِنَ الأَحْيَاءِ إِلَى الأَمْوَاتِ

"Sesungguhnya nama-nama makhluk akan dipindahkan dari Dewan Orang-orang Yang Hidup kepada Dewan Orang-orang Mati (pada malam Nisfu Sya'ban)."

Diriwayatkan dalam **Sunan al Nasaei** dari hadith Umamah رضي الله عنه:

قُلْتُ: يَا رَسُوْلَ اللهِ، لَمْ أَرَكَ تَصُوْمُ مِنْ شَهْرٍ مِنَ الشُّهُوْرِ مَا تَصُوْمُ مِنْ شَعْبَانَ. قَالَ: ذٰلِكَ شَهْرٌ يَغْفُلُ النَّاسُ عَنْهُ بَيْنَ رَجَبٍ وَرَمَضَانَ، وَهُوَ شَهْرٌ تُرْفَعُ فِيْهِ الأَعْمَالُ لِرَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَأُحِبُّ أَنْ يُرْفَعَ عَمَلِي وَأَنَا صَائِمٌ.

"Saya berkata, "Wahai Rasulullah! Saya tidak pernah melihat kamu banyak berpuasa dalam satu bulan dari bulan-bulan lain sebagaimana kamu berpuasa pada bulan Sya'ban." Jawab Baginda ﷺ, "Itu adalah bulan yang sering dilupakan oleh manusia di antara Rejab dan Ramadhan, dan ia adalah bulan yang diangkat pada bulan tersebut amalan-amalan hamba kepada Tuhan Semesta Alam. Saya suka

amalan saya diangkat ketika saya sedang berpuasa."

Di dalam **Sahihain** (Bukhari dan Muslim) daripada 'Aisyah ؓ berkata:

مَا رَأَيْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ اِسْتَكْمَلَ صِيَامَ شَهْرٍ قَطُّ إِلَّا رَمَضَانَ، وَمَا رَأَيْتُهُ فِي شَهْرٍ أَكْثَرَ مِنْهُ صِيَامًا فِي شَعْبَانَ.

"Saya tidak pernah lihat Rasulullah ﷺ menyempurnakan puasa sebulan melainkan pada bulan Ramadhan. Saya tidak pernah lihat Baginda ﷺ dalam sebulan, lebih banyak puasanya daripada bulan Sya'ban."

Dalam riwayatnya yang lain:

كَانَ يَصُوْمُ جُلَّهُ

"Baginda ﷺ berpuasa sebahagian besar dari bulan Sya'ban."

Lailah Al Takfir

Lailah al Takfir (malam penghapusan dosa) juga ialah salah satu nama bagi malam Nisfu Sya'ban.

Diriwayatkan daripada al Subki di dalam Tafsirnya: Bahawa sesiapa yang menghidupkan malam Nisfu Sya'ban dengan ibadah, nescaya akan dihapuskan dosa-dosanya selama setahun. Sesiapa yang menghidupkan malam Jumaat, akan dihapuskan dosanya selama seminggu dan pada malam Lailatul Qadar, akan dihapuskan dosanya seumur hidup.

Lailah Al Ijabah

Selain itu, malam Nisfu Sya'ban juga disebut sebagai malam **Lailah al Ijabah** (malam diperkenankan permohonan).

Diriwayatkan daripada Ibnu Umar ﵄ berkata:

خَمْسُ لَيَالٍ لَا يُرَدُّ فِيْهِنَّ الدُّعَاءُ: لَيْلَةُ الْجُمُعَةِ، وَأَوَّلُ لَيْلَةٍ مِنْ رَجَبٍ، وَلَيْلَةُ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ، وَلَيْلَتَا الْعِيْدَيْنِ.

“Lima malam yang tidak ditolak doa padanya, ialah: Malam Jumaat, malam pertama bulan Rejab, malam Nisfu Sya’ban dan dua malam Hari Raya (‘Idul Fitri dan ‘Idul Adha).”

Dikeluarkan oleh Abdur Razzaq di dalam **Musannaf**nya dan al Baihaqi di dalam **Syua’b al Iman** (mauquf).[2]

Dikeluarkan oleh al Dailami daripada Abu Umamah ﵁ (marfu’)[3]:

---

[2] Hadith yang diangkat atau disandarkan kepada sahabat ﵃.

خَمْسُ لَيَالٍ لَا تُرَدُّ فِيْهِنَّ دَعْوَةٌ: أَوَّلُ لَيْلَةٍ مِنْ رَجَبٍ، وَلَيْلَةُ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ، وَلَيْلَةُ الْجُمُعَةِ، وَلَيْلَتَا الْعِيْدَيْنِ.

"Lima malam yang tidak ditolak pada malam tersebut suatu doa, ialah malam pertama bulan Rejab, malam Nisfu Sya'ban, malam Jumaat dan dua malam hari Raya."

Imam Syafi'i رضي الله عنه berkata di dalam **al Umm**:

بَلَغَنَا أَنَّ الدُّعَاءَ يُسْتَجَابُ فِي خَمْسِ لَيَالٍ: لَيْلَةِ الْجُمُعَةِ، وَلَيْلَةِ الأَضْحَىٰ، وَلَيْلَةِ الْفِطْرِ، وَأَوَّلِ لَيْلَةٍ مِنْ رَجَبٍ، وَلَيْلَةِ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ.

---

[3] Hadith yang diangkat ataupun disandarkan kepada Rasulullah صلى الله عليه وآله وسلم.

"Telah sampai kepada kami, bahawa doa yang dimustajabkan (diterima oleh Allah) ialah doa pada lima malam: Malam Jumaat, malam hari Raya Adha, malam hari Raya Fitri, awal malam bulan Rejab dan malam Nisfu Sya'ban."



Lailah Al Hayah

Nama malam Nisfu Sya'ban yang lain ialah **Lailah al Hayah**[4]. Diriwayatkan oleh Ishaq

---

[4] Dinamakan **Lailah al Hayah** kerana Allah menghidupkan hati orang yang menghidupkan malam Nisfu Sya'ban sebagaimana di dalam **Tarikh al Munziri** (marfu') Nabi ﷺ bersabda:

مَنْ أَحْيَا لَيْلَتَيِ الْعِيْدِ وَلَيْلَةَ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ لَمْ يَمُتْ قَلْبُهُ يَوْمَ تَمُوْتُ الْقُلُوْبُ

"Sesiapa yang menghidupkan dua malam hari Raya ('Idul Adha dan 'Idul Fitri) dan malam Nisfu Sya'ban,

ibn Rahawaih dengan sanadnya daripada Wahhab ibn Munabbih berkata: "Apabila tiba malam Nisfu Sya'ban, tidak akan mati seseorang di antara Maghrib dan Isya' kerana pada ketika itu Malaikat Maut sedang sibuk

---

tidak akan mati hatinya pada hari hati-hati menjadi mati."

Maksudnya, Allah tidak merosakkan hatinya dengan kecintaan terhadap dunia yang memutuskannya daripada melakukan amalan kebaikan dan kewajipan agama, sebagaimana yang dinyatakan di dalam hadith:

لَا تُجَالِسُوْا الْـمَوْتَىٰ

"Janganlah kamu duduk bersama orang yang telah mati."

Maksud orang yang telah mati ialah orang yang telah rosak hatinya dengan Skecintaan terhadap dunia. Maksud tidak rosak hatinya ialah hatinya tidak kebingungan semasa dicabut nyawa, semasa berada di dalam kubur dan pada Hari Kiamat.



mengambil suratan daripada Tuhan Semesta Alam.

‘Id Al Malaikah

Antara namanya yang lain ialah **‘Id al Malaikah** (Hari Raya Malaikat).

Disebut oleh Abu Abdullah Tahir ibn Muhammad ibn Ahmad al Haddadi di dalam kitabnya **‘Unwan al Majalis** sebagaimana katanya: “Sesungguhnya para malaikat di langit mempunyai dua Malam Raya sebagaimana orang Islam yang mempunyai dua Hari Raya. Hari Raya bagi malaikat ialah malam pelepasan iaitu malam Nisfu Sya’ban dan malam Lailah al Qadar. Manakala Hari Raya bagi orang Mukmin ialah Hari Raya Fitri dan Hari Raya Adha.

Lailah Al Syafa'ah

Namanya yang lain ialah **Lailah al Syafa'ah** (Malam Syafa'at).[5]

Daripada Sayyidah 'Aisyah رضي الله عنها berkata:

---

[5] Pada malam tersebut, termakbulnya kesempurnaan syafa'at Rasulullah ﷺ, kerana Baginda ﷺ memohon syafa'at untuk umatnya pada malam ke-13 Sya'ban. Maka pada malam tersebut, Allah menganugerahkan kepada Baginda ﷺ memberikan syafa'at kepada satu pertiga daripada umatnya. Malam yang ke-14 pula, diberikan kepada dua pertiga daripada umatnya. Manakala pada malam yang ke-15, Rasulullah ﷺ diizinkan memberikan syafa'at kepada seluruh umatnya melainkan orang yang melarikan diri daripada Allah seperti seekor unta yang lari daripada tuannya, iaitu orang yang berterusan melakukan maksiat. Lihat **al Tafsir al Kabir** karangan Fakhr al Din al Razi yang menaqalkannya daripada Zamakhsyari, Jilid 2, H: 238.

أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ جَالِسًا فِي تِلْكَ اللَّيْلَةِ فَنَزَلَ عَلَيْهِ جِبْرِيْلُ فَقَالَ: إِنَّ اللهَ تَبَارَكَ وَتَعَالَىٰ قَدْ أَعْتَقَ مِنَ النَّارِ نِصْفَ أُمَّتِكَ.

"Sedang Nabi ﷺ duduk pada malam itu (malam Nisfu Sya'ban), maka turun Jibril عليه السلام kepada Baginda ﷺ, lalu berkata, "Sesungguhnya Allah سبحانه وتعالى telah memerdekakan setengah daripada umatmu dari api neraka."

Antara nama-namanya yang lain ialah **Lailah al Baraah** (Malam Pelepasan)[6], **Lailah al**

---

6 Pada malam tersebut, Allah سبحانه وتعالى menulis untuk hamba-hambaNya yang beriman pelepasan dari api neraka. Maka dikatakan kepada orang yang taat, "Engkau telah menyempurnakan hakKu dan memenuhi syarat-syarat 'ubudiyyah (perhambaan), maka ambillah pelepasan dari api neraka." Manakala kepada ahli

Barakah (Malam Keberkatan), **Lailah al Ta'zim** (Malam Kebesaran), **Lailah al Qadr** (Malam Penentuan), **Lailah al Ghufran** (Malam Pengampunan) dan **Lailah al 'Itq min al Nar** (Malam Pembebasan Dari Api Neraka).

---

maksiat dikatakan kepada mereka, "Engkau telah meringan-ringankan hakKu dan tidak melaksanakan syarat-syarat 'ubudiyyah, engkau layak menerima azabKu di dalam Neraka Jahim. Maka ambillah pelepasanmu daripada Tuhan Yang Maha Perkasa."

KELEBIHAN MALAM NISFU SYA'BAN

Malam Pengampunan

Diriwayatkan oleh Imam Ahmad di dalam **Musnad**nya (Mursal[7]) daripada Kathir ibn Murrah berkata: Sabda Rasulullah ﷺ:

إِنَّ اللهَ لَيَطَّلِعُ لَيْلَةَ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ فَيَغْفِرُ لِأَهْلِ الأَرْضِ إِلَّا رَجُلَيْنِ مُشْرِكٌ أَوْ مُشَاحِنٌ.

---

[7] Hadith yang diriwayatkan oleh seorang Tabi'en daripada Nabi ﷺ dengan tidak menyebut nama sahabat yang menjadi perantaraan di antara Tabi'en dengan Nabi ﷺ.

"Sesungguhnya Allah menilik kepada hambaNya pada malam Nisfu Sya'ban, maka Allah mengampunkan penduduk bumi melainkan dua golongan manusia; musyrik (orang yang menyengutukan Allah) dan musyahin (orang yang bermusuhan)."

Diriwayatkannya oleh al Tabrani, Ibnu Hibban[8] dengan sanad yang marfu' daripada Kathir ibn Murrah daripada Mu'az ibn Jabal ﵁ dengan lafaz sedemikian.[9]

---

[8] Begitu juga Ibnu Majah di dalam **Sunan**nya, Jilid 2, H: 161. Hadith no: 1390.

[9] Seperti yang diriwayatkan oleh Ibnu Hibban di dalam **Sohih**nya Jilid 12, H: 481. Hadith no: 5665. Daripada Muaz ibn Jabal ﵁ daripada Nabi ﷺ bersabda:

يَطَّلِعُ اللهُ إِلَىٰ خَلْقِهِ فِي لَيْلَةِ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ، فَيَغْفِرُ لِجَمِيعِ خَلْقِهِ إِلَّا لِـمُشْرِكٍ أَوْ مُشَاحِنٍ.

Diriwayatkan oleh al Dar Qutni di dalam kitab **al Sunan** dan lain-lainnya dengan sanadnya daripada Abi Tha'labah al Khushni ﷺ berkata: Sabda Rasulullah ﷺ:

إِنَّ اللهَ عَزَّ وَجَلَّ يَطَّلِعُ عَلَىٰ عِبَادِهِ فِي لَيْلَةِ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ، فَيَغْفِرُ لِلْمُؤْمِنِيْنَ وَيُمْلِي لِلْكَافِرِيْنَ وَيَدَعُ أَهْلَ الْحِقْدِ بِحِقْدِهِمْ حَتَّىٰ يَدَعُوْهُ.

"Sesungguhnya Allah عز وجل menilik hamba-hambaNya pada malam Nisfu Sya'ban, maka Allah mengampunkan dosa orang-orang Mukmin, memanjangkan kesesatan orang-orang

---

"Sesungguhnya Allah menilik hambaNya pada malam Nisfu Sya'ban, maka Allah mengampunkan semua hambaNya melainkan orang musyrik (orang yang menyengutukan Allah) dan musyahin (orang yang bermusuhan)."

kafir dan membiarkan orang-orang yang hasad dengan kedengkian mereka sehingga mereka meninggalkannya."

Dikeluarkan oleh al Dar Qutni dan Imam Ahmad dengan sanadnya daripada 'Aisyah ﵂ berkata:

فَقَدْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ ذَاتَ لَيْلَةٍ، فَخَرَجْتُ فَإِذَا هُوَ فِي الْبَقِيْعِ رَافِعًا رَأْسَهُ إِلَىٰ السَّمَآءِ، فَقَالَ: أَكُنْتِ تَخَافِيْنَ أَنْ يَحِيْفَ اللهُ عَلَيْكِ وَرَسُوْلُهُ؟ قَالَتْ: قُلْتُ: مَا ذَاكَ بِي يَا رَسُوْلَ اللهِ، وَلٰكِنْ ظَنَنْتُ أَنَّكَ أَتَيْتَ بَعْضَ نِسَائِكَ. قَالَ: إِنَّ اللهَ عَزَّ وَجَلَّ يَنْزِلُ إِلَىٰ سَمَاءِ الدُّنْيَا لَيْلَةَ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ، فَيَغْفِرُ لِأَكْثَرَ مِنْ عَدَدِ شَعْرِ غَنَمِ بَنِي كَلْبٍ.

"Pada suatu malam, saya kehilangan Rasulullah ﷺ, maka saya pun keluar mencarinya dan saya

menemui Baginda ﷺ di Baqi' sedang mendongakkan kepalanya ke langit. Maka Baginda ﷺ bersabda, "Adakah kamu takut Allah dan RasulNya menzalimimu?" 'Aisyah رضي الله عنها berkata, Saya berkata, "Bukan begitu, wahai Rasulullah! Saya cuma menyangka kamu mendatangi isteri-isterimu yang lain." Baginda ﷺ bersabda, "Sesungguhnya Allah عز وجل turun ke langit dunia pada malam Nisfu Sya'ban[10], maka Dia mengampunkan dosa-dosa hambaNya lebih

---

[10] Sebahagian ulama' menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan **turun** di dalam hadith ialah turun rahmat Allah ataupun perintahNya ataupun malaikat ataupun simbolik dari masa mustajab doa dan diterima permohonan seseorang hambaNya. Maha Suci Allah dari bertempat.

banyak daripada bilangan bulu kambing Bani Kilab."[11]

Diriwayatkan juga oleh Ibnu Majah di dalam **Sunan**nya[12] sedemikian dan ia merupakan sebaik-baik hadith berkaitan kelebihan malam Nisfu Sya'ban. Dikeluarkan juga oleh Ibnu Hibban di dalam **Sahih**nya tetapi al Tirmizi berkata: Al Bukhari telah mendha'ifkan hadith ini.[13]

Al Dar Qutni telah meriwayatkan juga hadith Bakar ibn Sahl daripada Hisyam ibn

---

11 Bani Kilab adalah antara kaum yang paling banyak menternak kambing.

12 **Sunan Ibni Majah** Jilid 2, H: 160-161. Hadith no: 1389.

13 Syeikh Soleh al Ja'fari berkata: Namun, ia tidak mencacatkan hadith ini yang telah disohihkan oleh ulama' yang lain.

'Urwah daripada bapanya, daripada 'Aisyah رضي الله عنها berkata:

"Malam Nisfu Sya'ban ialah malam giliran saya bersama Rasulullah ﷺ. Pada malam itu, Rasulullah ﷺ bermalam di sisi saya. Ketika tengah malam, saya kehilangan Baginda ﷺ dari alas tempat tidur saya. Demi Allah! Alas kain tempat tidur saya itu bukanlah kain bulu yang ditenun dengan sutera, atau kapas." 'Aisyah رضي الله عنها ditanya, "Kain apakah itu?" Jawab 'Aisyah رضي الله عنها, "Ia adalah kain bulu dan isinya daripada bulu unta. Maka saya mencarinya di bilik-bilik isterinya yang lain tetapi saya tidak menemuinya. Lalu saya kembali semula ke bilik saya, dan saya mendapati Baginda ﷺ seperti sehelai baju yang jatuh ke tanah sedang sujud dan Baginda ﷺ menyebut di dalam sujudnya:

سَجَدَ لَكَ سَوَادِيْ وَخَيَالِي، وَآمَنَ بِكَ فُؤَادِيْ، وَهٰذِهِ يَدِيْ وَمَا جَنَيْتُ بِهَا عَلَىٰ نَفْسِي، يَا عَظِيْمًا يُرْجَىٰ لِكُلِّ عَظِيْمٍ، اغْفِرِ الذَّنْبَ الْعَظِيْمَ، سَجَدَ وَجْهِيَ لِلَّذِيْ خَلَقَهُ وَصَوَّرَهُ وَشَقَّ سَمْعَهُ وَبَصَرَهُ.

"Telah sujud kepadaMu jasad dan wajahku, telah beriman denganMu kalbuku. Inilah tanganku dan jenayah yang telah aku lakukan dengannya ke atas diriku. Wahai Tuhan Yang Maha Besar yang diharapkan oleh segala yang besar! Ampunilah dosaku yang besar. Telah sujudlah wajahku kepada Tuhan yang menciptakannya, membentukkan rupa parasnya, memberikan pendengaran dan penglihatannya."

Kemudian Baginda ﷺ mengangkat kepalanya dan kembali sujud lalu membaca:

أَعُوْذُ بِرِضَاكَ مِنْ سَخَطِكَ، وَبِعَفْوِكَ مِنْ عِقَابِكَ، وَبِكَ مِنْكَ، لَا أُحْصِي ثَنَاءً عَلَيْكَ، أَنْتَ كَمَا أَثْنَيْتَ عَلَىٰ نَفْسِكَ، أَقُوْلُ كَمَا قَالَ أَخِي دَاوُدُ ﵇: أُعَفِّرُ وَجْهِيْ فِي التُّرَابِ لِسَيِّدِيْ وَحُقَّ لَهُ أَنْ يَسْجُدَ.

"Aku memohon perlindungan dengan keredhaanMu daripada kemurkaanMu, dengan keampunanMu daripada balasanMu, denganMu daripada azabMu. Tidaklah terhitung pujian ke atasMu, Engkau adalah sebagaimana pujianMu ke atas ZatMu. Aku berkata sebagaimana yang pernah dikatakan oleh saudaraku, Daud ﵇ "Aku menyembam mukaku ke tanah bagi

Tuanku dan berhaklah baginya sujud kepadaNya.”

Kemudian Baginda ﷺ mengangkat wajahnya dan berdoa:

اللّٰهُمَّ ارْزُقْنِي قَلْبًا تَقِيًّا نَقِيًّا لَا كَافِرًا وَلَا شَقِيًّا

“Ya Allah, kurniakanlah kepadaku hati yang bertaqwa, suci bersih, tidak kufur dan tidak celaka.”

Kemudian Baginda ﷺ pun beredar dari tempat sujudnya dan masuk bersama saya di dalam satu selimut dalam keadaan saya tercungap-cungap. Baginda ﷺ bersabda, “Nafas apakah itu?” Lalu saya memberitahu Baginda ﷺ. Kemudian Baginda ﷺ menyapu lutut saya dengan tangannya dan bersabda, “Kasihan…kedua-dua lutut ini tidak akan kita pertemukan pada malam ini. Pada malam Nisfu

Sya'ban Allah menurunkan perintahNya ke langit dunia, lalu Dia mengampunkan hamba-hambaNya melainkan orang musyrik dan **musyahin**."

Ibnu al Mubarak berkata: Saya mendengar al Auza'ei mentafsirkan makna '**musyahin'** dengan makna setiap pelaku bid'ah yang memisahkan diri dari jemaah (Ahli Sunnah wal Jama'ah) dan ummah (Muhammad ﷺ).

Dalam satu riwayat daripada al Auza'ei menyebut: Bukanlah '**musyahin'** itu orang yang tidak bertegur-sapa dengan orang lain, tetapi '**musyahin'** ialah orang yang di dalam hatinya terdapat sifat benci terhadap sahabat-sahabat Rasulullah ﷺ (seperti golongan Syi'ah Rafidhah).

Diriwayatkan daripada Umar ibn Hani': Saya bertanya Ibnu Thauban tentang makna '**musyahin'**, maka beliau berkata: Iaitu orang yang meninggalkan Sunnah Nabi ﷺ, orang yang menikam umatnya dan menumpahkan darah mereka.

Telah dikeluarkan oleh Imam Ahmad di dalam **Musnad**nya dari hadith Ibnu Lahi'ah dengan sanadnya daripada Abdullah ibn Umar رضي الله عنهما, bahawa Rasulullah ﷺ berkata:

يَطَّلِعُ اللهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَىٰ إِلَىٰ خَلْقِهِ لَيْلَةَ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ فَيَغْفِرُ لِعِبَادِهِ إِلَّا لِإِثْنَيْنِ مُشَاحِنٍ أَوْ قَاتِلِ نَفْسٍ.

"Pada malam Nisfu Sya'ban Allah Yang Maha Tinggi menilik makhlukNya, maka Allah mengampunkan hambaNya melainkan dua golongan; iaitu orang yang memutuskan

silaturrahim dan orang yang membunuh orang lain."

Malam Mustajab Doa

Daripada Abu Darda' ﷺ, bahawa Nabi ﷺ bersabda:

لَيْلَةَ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ يَهْبِطُ الرَّحْمٰنُ عَزَّوَجَلَّ إِلَىٰ سَمَآءِ الدُّنْيَا، فَيَنْظُرُ إِلَىٰ أَعْمَالِ الْعِبَادِ فَيَغْفِرُ لِلْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَتُوْبُ عَلَىٰ التَّوَّابِيْنَ، وَيَسْتَجِيْبُ لِلسَّآئِلِيْنَ، وَيَكْفِي الْـمُتَوَكِّلِيْنَ، وَيَدَعُ أَهْلَ الضَّغَائِنِ لَا يَفْعَلُ بِهِمْ شَيْئًا مِنْ ذٰلِكَ، وَيَغْفِرُ الذُّنُوْبَ جَمِيْعًا لِمَنْ شَاءَ إِلَّا لِـمُشْرِكٍ أَوْ قَاتِلِ نَفْسٍ حَرَّمَهَا اللهُ عَزَّوَجَلَّ أَوْ مُشَاحِنٍ.

"Pada malam Nisfu Sya'ban, rahmat Allah عَزَّوَجَلَّ turun ke langit dunia, lalu memerhatikan amalan

hamba-hambaNya. Maka Allah mengampunkan orang-orang yang meminta keampunan dan menerima taubat orang-orang yang bertaubat kepadaNya. Dia juga menerima permohonan orang-orang yang meminta dan mencukupkan bagi orang yang bertawakkal. Dia juga meninggalkan orang-orang yang berdendam tanpa memperlakukan sesuatu ke atas mereka dan mengampunkan dosa-dosa bagi sesiapa yang dikehendakiNya melainkan dosa orang musyrik dan orang yang membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah عز وجل atau pun orang yang memutuskan silaturrahim.”

Dari hadith Abdur Rahman ibn Salam dengan sanadnya daripada Uthman ibn Abi al ‘As رضي الله عنه berkata: Sabda Rasulullah صلى الله عليه وآله وسلم:

إِذَا كَانَ لَيْلَةُ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ وَذَهَبَ ثُلُثُ اللَّيْلِ يَنْزِلُ اللهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَىٰ إِلَىٰ سَمَآءِ الدُّنْيَا، فَيَقُوْلُ: هَلْ مِنْ دَاعٍ فَأُجِيْبَهُ، هَلْ مِنْ مُسْتَغْفِرٍ فَأَغْفِرَ لَهُ، هَلْ مِنْ تَائِبٍ فَأَتُوْبَ عَلَيْهِ؟ فَيَغْفِرُ لِلْمُؤْمِنِيْنَ إِلَّا زَانِيَةً تَكْسِبُ بِفَرْجِهَا أَوْ عُشَارًا أَوْ رَجُلًا بَيْنَهُ وَبَيْنَ أَخِيْهِ شَحْنَاءُ.

"Apabila tiba malam Nisfu Sya'ban dan telah berlalu sepertiga malam, maka rahmat Allah turun ke langit dunia, lalu Allah berfirman, "Adakah terdapat orang yang berdoa, maka Aku akan makbulkan doanya? Adakah terdapat orang yang meminta keampunan, maka Aku akan ampunkannya? Adakah terdapat orang yang bertaubat, maka Aku akan menerima taubatnya?" Maka diampunkan dosa orang-orang yang beriman melainkan pelacur yang

berusaha mendapatkan rezeki dengan kemaluannya, atau pun orang yang mengambil cukai dengan jalan yang tidak hak, atau orang yang bermusuhan dengan saudaranya.”

Diriwayatkan oleh Muhammad ibn Isa ibn Hibban dengan sanadnya bahawa Abu Sa’id al Khudri ﵁ masuk ke dalam rumah ‘Aisyah ﵂. Maka ‘Aisyah ﵂ berkata, “Wahai Aba Sa’id! Ceritakanlah kepada saya suatu hadith yang pernah kamu dengari daripada Rasulullah ﷺ, maka saya akan menceritakan kepadamu pula apa yang pernah saya lihat dilakukan oleh Baginda ﷺ.” Berkata Abu Sa’id al Khudri ﵁, “Apabila Rasulullah ﷺ keluar solat Subuh, Baginda ﷺ akan membaca:

اللّٰهُمَّ امْلَأْ سَمْعِي نُوْرًا، وَبَصَرِي نُوْرًا، وَمِنْ بَيْنِ يَدَيَّ نُوْرًا، وَمِنْ خَلْفِي نُوْرًا، وَعَنْ يَمِيْنِي نُوْرًا، وَعَنْ شِمَالِي نُوْرًا، وَمِنْ فَوْقِي نُوْرًا، وَمِنْ تَحْتِي نُوْرًا، وَأَعْظِمِ النُّوْرَ بِرَحْمَتِكَ.

"Ya Allah! Penuhilah pendengaranku dengan cahaya, pandanganku dengan cahaya, hadapanku dengan cahaya, belakangku dengan cahaya, kananku dengan cahaya, kiriku dengan cahaya, atasku dengan cahaya, bawahku dengan cahaya dan tambahkanlah cahaya Islam dan hidayah dengan rahmatMu terhadapku."

Malam Pembebasan Dari Api Neraka

Sayyidatuna ‘Aisyah ﵂ pernah berkata:[14] Rasulullah ﷺ masuk ke dalam bilik saya, maka Baginda ﷺ menanggalkan kedua-dua helai pakaiannya. Kemudian tidak lama selepas itu, Baginda ﷺ bangun dan memakai semula pakaiannya. Saya berasa amat cemburu kerana saya menyangka Baginda ﷺ hendak pergi ke rumah madu saya. Lalu saya pun keluar dan mengekori Baginda ﷺ. Saya menemui Baginda ﷺ di Baqi’ al Gharqad memohon keampunan untuk kaum Mukminin dan Mukminat serta syuhada’. Saya berkata, “Saya jadikan bonda dan ayahanda saya

---

[14] Hadith ini adalah sambungan hadith di atas.

sebagai tebusanmu! Kamu berada dalam hajat Tuhanmu, manakala saya berada dalam hajat dunia.” Lalu saya pun beredar dan masuk ke dalam bilik dalam keadaan tercungap-cungap. Rasulullah ﷺ menyusuli saya dan bersabda, “Apakah yang telah berlaku, wahai ‘Aisyah?” Saya berkata, “Saya jadikan bonda dan ayahanda saya sebagai tebusanmu! Setelah kamu datang kepada saya, kamu pun menanggalkan kedua-dua helai bajumu. Tidak lama kemudian, kamu pun bangun dan memakainya semula. Lalu saya berasa amat cemburu kerana menyangka kamu hendak mendatangi madu saya yang lain sehinggalah saya melihat kamu berada di Baqi’ melakukan apa yang telah kamu lakukan.” Rasulullah ﷺ bersabda, “Wahai ‘Aisyah! Apakah kamu takut Allah dan RasulNya akan menzalimimu?”

‘Aisyah رضي الله عنها berkata, “Saya berkata, “Bukan begitu, wahai Rasulallah!” Sabda Baginda صلى الله عليه وآله وسلم, “Telah datang kepada saya Jibril عليه السلام dan berkata, “Wahai Muhammad! Malam ini ialah malam Nisfu Sya’ban. Pada malam ini, Allah سبحانه وتعالى membebaskan manusia dari api neraka sebanyak bilangan bulu kambing Bani Kilab. Pada malam ini, Allah tidak memandang kepada orang musyrik, tidak juga kepada orang yang bermusuhan, orang yang memutuskan silaturrahim, orang yang melabuhkan kainnya melebihi buku lali,[15] orang yang menderhaka kepada kedua ibu bapanya dan orang yang berterusan minum arak.”

‘Aisyah رضي الله عنها berkata, “Kemudian Baginda صلى الله عليه وآله وسلم menanggalkan kedua-dua helai bajunya dan

---

[15] Dalam keadaan ‘ujub dan takabbur.

berkata, “Wahai ‘Aisyah! Adakah kamu mengizinkan saya bangun pada malam ini?” Saya berkata, “Ya, saya jadikan bonda dan ayahanda saya sebagai tebusanmu.” Rasulullah ﷺ pun bangun dan sujud dengan sujud yang lama sehingga saya menyangka Baginda ﷺ telah wafat. Lalu saya bangun menyentuhnya dan meletakkan tangan saya di atas dua telapak kakinya. Maka Baginda ﷺ bergerak dan saya berasa gembira. Saya mendengar Baginda ﷺ membaca dalam sujudnya:

أَعُوْذُ بِعَفْوِكَ مِنْ عِقَابِكَ، وَأَعُوْذُ بِرِضَاكَ مِنْ سَخَطِكَ، وَأَعُوْذُ بِكَ مِنْكَ، جَلَّ وَجْهُكَ، لَا أُحْصِي ثَنَاءً عَلَيْكَ، أَنْتَ كَمَا أَثْنَيْتَ عَلَىٰ نَفْسِكَ.

“Aku memohon perlindungan dengan keampunanMu dari balasan azabMu, aku

memohon perlindungan dengan keredhaanMu daripada kemurkaanMu, aku memohon perlindungan denganMu daripada azabMu. Maha Agung ZatMu, tidak terhitung pujian ke atasMu, Engkau adalah sebagaimana pujianMu ke atas ZatMu.”

Apabila Subuh, saya menyebut kepada Baginda ﷺ kalimah yang dibacanya, maka Baginda ﷺ bersabda, “Wahai ‘Aisyah! Adakah kamu telah mengetahuinya?” Saya berkata, “Ya.” Baginda ﷺ bersabda, “Pelajarilah dan ajarilah ia kerana Jibril عليه السلام telah mengajarnya kepada saya dan menyuruh saya mengulang-ulangnya di dalam sujud.”

Diriwayatkan oleh Ibrahim ibn Ishaq al Ghasili dengan sanadnya daripada Anas ibn Malik رضي الله عنه berkata: “Nabi ﷺ telah mengutus saya ke rumah ‘Aisyah رضي الله عنها untuk suatu hajat. Maka

saya berkata kepadanya, “Bersegeralah kerana tadi saya meninggalkan Nabi ﷺ yang sedang menceritakan kepada mereka tentang malam Nisfu Sya’ban.” Maka ‘Aisyah رضي الله عنها berkata, “Wahai Anas! Duduklah dahulu sehingga saya ceritakan kepadamu satu hadith berkenaan malam Nisfu Sya’ban. Malam itu, adalah malam giliran saya bersama Rasulullah ﷺ. Baginda ﷺ telah mendatangi saya dan tidur bersama saya di dalam satu selimut. Tiba-tiba saya terjaga di tengah malam dan saya dapati Rasulullah ﷺ tiada di sisi saya. Lalu saya pun bangun dan mencarinya di rumah isteri-isterinya yang lain tetapi saya tidak menemui Baginda ﷺ. Lalu saya berkata, “Mungkin Baginda ﷺ pergi ke rumah jariahnya, al Qibtiyyah (Mariah).” Maka saya pun keluar dan melintasi masjid.

Kaki saya tersentuh kaki Baginda ﷺ, sedangkan ketika itu Baginda ﷺ membaca:

سَجَدَ لَكَ سَوَادِيْ وَخَيَالِي، وَآمَنَ بِكَ فُؤَادِيْ، وَهٰذِهِ يَدِيْ الَّتِيْ جَنَيْتُ بِهَا عَلَى نَفْسِي، فَيَا عَظِيْمُ! هَلْ يَغْفِرُ الذَّنْبَ العَظِيْمَ إِلَّا رَبُّ العَظِيْمِ؟

"Telah sujud kepadaMu diri dan wajahku, dan telah beriman kalbuku denganMu, dan inilah tangan yang telah melakukan maksiat kepadaMu. Wahai Tuhan Yang Maha Besar! Tidaklah yang akan mengampunkan dosa-dosa besar melainkan Tuhan Yang Maha Besar?"

'Aisyah رضي الله عنها menyambung perbicaraan: Kemudian Baginda ﷺ mengangkat kepalanya dan membaca:

اللّٰهُمَّ هَبْ لِي قَلْبًا تَقِيًّا نَقِيًّا مِنَ الشِّرْكِ بَرِيًّا لَا كَافِرًا وَلَا شَقِيًّا.

"Ya Allah! Kurniakanlah kepadaku hati yang bertaqwa dan suci, terlepas daripada kesyirikan, tidak kufur dan tidak celaka."

Kemudian, Baginda ﷺ sujud kembali dan bersabda:

أَقُوْلُ كَمَا قَالَ أَخِي دَاوُدُ عليه السلام: أُعَفِّرُ وَجْهِي فِي التُّرَابِ لِسَيِّدِيْ وَحُقَّ لِوَجْهِي سَيِّدِيْ أَنْ يُعَفَّرَ.

"Aku ucapkan sebagaimana yang pernah diucapkan oleh saudaraku Daud عليه السلام, "Aku menyembamkan mukaku ke tanah kerana Tuanku dan berhaklah mukaku ini sujud dan menyembam kepadaMu, wahai Tuanku!"

Kemudian Baginda ﷺ mengangkat kepalanya. Saya berkata, “Saya jadikan bonda dan ayahanda saya sebagai tebusanmu! Kamu berada di satu lurah (beribadat) dan saya pula berada di satu lurah yang lain (mencari kenikmatan dunia).” Baginda ﷺ bersabda, “Wahai Humaira’! Apakah kamu tahu bahawa malam ini ialah malam Nisfu Sya’ban? Sesungguhnya pada malam ini, Allah membebaskan hamba-hambaNya dari api neraka sebanyak bilangan bulu kambing Bani Kilab.” Saya bertanya, “Wahai Rasulullah! Apakah dia bulu kambing Bani Kilab?” Jawab Baginda ﷺ, “Tidak terdapat dalam masyarakat Arab suatu kabilah yang mempunyai kambing yang lebih banyak daripada kambing-kambing mereka – melainkan (golongan yang terkecuali dari dibebaskan dari api neraka ialah) enam

golongan: Orang yang berterusan meminum arak, orang yang menderhaka kepada kedua ibu bapanya, orang yang berterusan melakukan zina, peniaga yang melakukan penipuan[16], orang yang melakukan sumpah dusta untuk melariskan barang perniagaannya dan orang yang mengadu-domba.”

Di dalam satu riwayat: Tukang ukir patung menggantikan orang yang melakukan sumpahan dusta untuk melariskan barang perniagaannya.

Diriwayatkan oleh Abu Bakar al Siddiq رضي الله عنه, bahawa Nabi ﷺ bersabda:

---

16 Melakukan penipuan dengan sumpah palsu untuk melariskan barang perniagaannya atau peniaga yang mencampur-adukkan barang yang elok dan rosak.

يَطَّلِعُ اللهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَىٰ لَيْلَةَ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ يَغْفِرُ لِلْجَمِيْعِ إِلَّا لِمُشْرِكٍ أَوْ مُشَاحِنٍ.

“Pada malam Nisfu Sya’ban, Allah menilik hamba-hambaNya, maka Allah mengampunkan semua hambaNya melainkan orang musyrik dan musyahin.”

Daripada al Qasim ibn Muhammad daripada bapanya, daripada bapa saudaranya, daripada datuknya, daripada Nabi ﷺ bersabda:

يَنْزِلُ اللهُ لَيْلَةَ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ إِلَىٰ سَمَآءِ الدُّنْيَا فَيَغْفِرُ لِكُلِّ شَيْءٍ مَا خَلَا كَافِرًا أَوْ رَجُلًا فِي قَلْبِهِ شَحْنَاءُ.

“Allah menurunkan rahmatNya pada malam Nisfu Sya’ban ke langit dunia, maka Dia mengampunkan setiap sesuatu melainkan orang

kafir, atau orang yang menyimpan sifat dengki di dalam hatinya."[17]

Diriwayatkan oleh al Hafiz Abu Nu'aim dengan sanadnya daripada Anas ibn Malik رضي الله عنه, bahawa Rasulullah صلى الله عليه وآله وسلم bersabda:

أَرْبَعُ لَيَالٍ، لَيَالِيْهِنَّ كَأَيَّامِهِنَّ، وَأَيَّامهنَّ كَلَيَالِيْهِنَّ، يُبِرُّ اللهُ فِيْهِنَّ الْقَسَمَ، وَيَعْتِقُ النَّسَمَ، وَيُعْطِي فِيْهِنَّ الْجَزِيْلَ: لَيْلَةُ الْقَدْرِ وَصَبَاحُهَا، وَلَيْلَةُ عَرَفَةَ وَصَبَاحُهَا، وَلَيْلَةُ الْجُمُعَةِ وَصَبَاحُهَا.

"Terdapat empat malam, yang malamnya sama seperti siangnya dan siangnya sama seperti malamnya. Pada malam tersebut, Allah memperelokkan pembahagianNya, Allah

---

[17] Dikeluarkan oleh al Baihaqi. Lihat **Syu'ab al Iman** Jilid 3, H: 380. Hadith no: 3827.

membebaskan makhlukNya dari api neraka dan memberikan balasan anugerah pada malam tersebut, iaitu: Lailatul Qadar[18] dan siangnya,

---

[18] Dikatakan, hikmah Allah ﷻ menzahirkan malam Nisfu Sya'ban dan menyembunyikan Lailatul Qadar kerana Lailatul Qadar ialah malam rahmat, keampunan dan pembebasan dari api neraka. Allah menyembunyikannya supaya manusia tidak hanya bersandar dengan bersungguh-sungguh beribadah pada malam tersebut dan meninggalkan amalan pada malam yang lain. Allah menzahirkan malam Nisfu Sya'ban kerana ia adalah malam penentuan dan qadha', kemurkaan dan keredhaan, malam penerimaan dan penolakan, kegembiraan dan kecelakaan, kemuliaan dan ketaqwaan.

Imam Nasafi menyatakan, bahawa Allah menyembunyikan Lailatul Qadar supaya hambaNya bersungguh-sungguh beribadah sepanjang bulan tersebut, sebagaimana Allah menyembunyikan Ismullah al A'zam di dalam Asma' al Husna supaya

malam Arafah dan siangnya, malam Jumaat dan siangnya.”[19]

Diriwayatkan oleh al Hafiz Abu Nu’aim dengan sanadnya daripada ‘Aisyah ﵂ berkata: Sabda Rasulullah ﷺ:

“Sesungguhnya Allah ﷻ melihat kepada Ka’bah pada setiap tahun seketika dan ketika itulah Ka’bah amat dirindui oleh hati-hati orang Mukmin.”

Maka ‘Aisyah ﵂ berkata: “Kami berpendapat bahawa saat itu ialah pada bulan Sya’ban.”

---

hambaNya berdoa dengan kesemua namaNya tersebut. Begitu juga Allah menyembunyikan wali di kalangan hambaNya supaya seseorang itu tidak menghina orang Mukmin yang lain.

19 Kemungkinan malam yang keempat ialah malam Nisfu Sya’ban.

Dalam satu riwayat: “Kami berpendapat malam itu ialah pada pertengahan bulan Sya’ban.”

MENGHIDUPKAN MALAM NISFU SYA'BAN

GALAKAN MENGHIDUPKAN MALAM NISFU SYA'BAN

Diriwayatkan oleh Abdur Razzaq ibn Humam daripada Ali ibn Abu Talib ﵁ daripada Nabi ﷺ bersabda:

إِذَا كَانَ لَيْلَةُ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ فَقُوْمُوْا لَيْلَهَا وَصُوْمُوْا نَهَارَهَا، فَإِنَّ اللهَ ﷻ يَنْزِلُ فِيْهَا لِغُرُوْبِ الشَّمْسِ، فَيَقُوْلُ: أَلَا مِنْ مُسْتَغْفِرٍ فَأَغْفِرَ لَهُ، أَلَا مِنْ مُسْتَرْزِقٍ فَأَرْزُقَهُ، أَلَا مِنْ مُبْتَلًى فَأُعَافِيَهُ، أَلَا كَذَا، أَلَا كَذَا، حَتَّىٰ يَطْلُعَ الفَجْرُ.

“Apabila tiba malam Nisfu Sya’ban, hendaklah kalian bangun pada malamnya (melakukan ibadat) dan berpuasa pada siangnya kerana Allah ﷻ menurunkan perintahNya pada malam tersebut mulai dari terbenamnya matahari. Lalu Allah berfirman, “Adakah terdapat di kalangan hamba-hambaKu yang memohon keampunan, maka akan Aku ampunkannya. Adakah terdapat di kalangan mereka yang memohon rezeki, maka akan Aku turunkan rezeki untuknya. Adakah di kalangan mereka orang yang ditimpa bala, maka akan Aku sejahterakannya. Adakah di kalangan mereka begini dan adakah di kalangan mereka begini sehinggalah menjelangnya fajar.”[20]

---

[20] Dikeluarkannya oleh Ibnu Majah di dalam **Sunan**nya Jilid 2, H: 160. Hadith no: 1388 dan al Baihaqi di

Diriwayatkan oleh al Asbahani di dalam **al Targhib** daripada Mu'az ibn Jabal ﵁ berkata: Sabda Rasulullah ﷺ:

مَنْ أَحْيَا اللَّيَالِيَ الْخَمْسَ وَجَبَتْ لَهُ الْجَنَّة، لَيْلَةُ التَّرْوِيَةِ وَلَيْلَةُ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ.

"Sesiapa yang menghidupkan lima malam, maka wajiblah baginya syurga; di antaranya malam Tarwiyyah (malam 8 Zulhijjah) dan malam Nisfu Sya'ban."

Diriwayatkan daripada hadith Umar ibn Uthman ibn Kathir ibn Ziyad dengan sanadnya, bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

---

dalam **Syu'ab al Iman** Jilid 3, H: 378-379. Hadith no: 3822.

مَنْ أَحْيَا لَيْلَةَ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ وَلَيْلَتَي الْعِيْدَيْنِ لَمْ يَمُتْ قَلْبُهُ يَوْمَ تَمُوْتُ الْقُلُوْبُ.

"Sesiapa yang menghidupkan malam Nisfu Sya'ban dan dua malam Raya, nescaya tidak akan mati hatinya pada hari hati-hati menjadi mati."

MENGHIDUPKAN MALAM NISFU SYA'BAN DENGAN SOLAT TASBIH

Adalah lebih utama, malam tersebut dihidupkan[21] dengan solat Tasbih sebagaimana

---

21 Menurut Syeikh Soleh al Ja'fari ﵀; Imam Besar dan Tenaga Pengajar di Masjid al Azhar, bahawa malam tersebut boleh juga dihidupkan dengan pelbagai jenis ibadah yang lain untuk mendekatkan diri kepada Allah seperti solat, membaca al Quran, berzikir dan bersalawat ke atas Nabi ﷺ. Namun pengarang

---

(Syeikh Salim al Sanhuri رحمه الله) lebih mengutamakan solat Tasbih kerana galakan yang kuat daripada Nabi ﷺ kepada bapa saudaranya, al ‘Abbas رضي الله عنه dan pahalanya yang amat besar.

Pada pendapat penterjemah, menghidupkan malam Nisfu Sya’ban boleh juga dilakukan berseorangan di rumah atau berjema’ah di masjid kerana hadith di atas menunjukkan secara umum galakan menghidupkan malam tersebut. Maka terpulanglah kepada kita untuk melakukan mana-mana cara tersebut selagi ia tidak melanggar landasan syariat.

Manakala orang yang menyatakan bahawa bid’ah menghidupkan malam tersebut secara berjemaah, mereka tidak mempunyai sebarang sandaran dan dalil melainkan kerana Rasulullah ﷺ dan para sahabat tidak melakukannya di dalam masjid. Harus kita ingati, perkara yang tidak dilakukan oleh Rasulullah ﷺ tidak bermakna perkara itu haram dilakukan kerana kaedah menyatakan:

التَّرْكُ لَا يُفِيْدُ التَّحْرِيْمُ

yang telah diajar oleh Nabi ﷺ kepada bapa saudaranya al Abbas ؓ dan kaum kerabat Baginda ﷺ yang lain.

Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan sanad daripada Ibnu Abbas ؓ, bahawa Rasulullah ﷺ bersabda kepada Abbas ibn Abdul Muttalib ؓ:

يَا عَبَّاسُ يَا عَمَّاهُ، أَلَا أُعْطِيْكَ؟ أَلَا أَمْنَحُكَ؟ أَلَا أَحْبُوْكَ؟ أَلَا أَفْعَلُ بِكَ عَشْرَ خِصَالٍ إِذَا أَنْتَ فَعَلْتَ ذٰلِكَ غَفَرَ اللهُ لَكَ ذَنْبَكَ أَوَّلَهُ وَآخِرَهُ، قَدِيْمَهُ وَحَدِيْثَهُ، خَطأَهُ وَعَمْدَهُ، صَغِيْرَهُ وَكَبِيْرَهُ، سِرَّهُ وَعَلَانِيَتَهُ عَشْرَ خِصَالٍ: أَنْ تُصَلِّيَ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ، تَقْرَأُ فِي كُلِّ رَكْعَةٍ

"Setiap perkara yang ditinggalkan oleh Nabi ﷺ dan tidak disertai larangan daripada Baginda ﷺ, tidak menunjukkan ke atas pengharamnya." Wallahu a'lam.

فَاتِحَةَ الْكِتَابِ وَسُوْرَةً، فَإِذَا فَرَغْتَ مِنَ الْقِرَاءَةِ فِي أَوَّلِ رَكْعَةٍ وَأَنْتَ قَائِمٌ قُلْتَ: سُبْحَانَ اللهِ وَالْحَمْدُ لِلّٰـهِ وَلاَ إِلٰهَ إِلَّا اللهُ وَاللهُ أَكْبَرُ خَمْسَ عَشَرَةَ مَرَّةً، ثُمَّ تَرْكَعُ فَتَقُوْلُهَا وَأَنْتَ رَاكِعٌ عَشْرًا، ثُمَّ تَرْفَعُ رَأْسَكَ مِنَ الرُّكُوْعِ فَتَقُوْلُهَا عَشْرًا، ثُمَّ تَهْوِي سَاجِدًا فَتَقُوْلُهَا وَأَنْتَ سَاجِدٌ عَشْرًا، ثُمَّ تَرْفَعُ رَأْسَكَ مِنَ السُّجُوْدِ فَتَقُوْلُهَا عَشْرًا، ثُمَّ تَسْجُدُ فَتَقُوْلُهَا عَشْرًا، ثُمَّ تَرْفَعُ رَأْسَكَ فَتَقُوْلُهَا عَشْرًا. فَذٰلِكَ خَمْسٌ وَسَبْعُوْنَ فِي كُلِّ رَكْعَةٍ، تَفْعَلُ ذٰلِكَ فِي أَرْبَعِ رَكَعَاتٍ، إِنِ اسْتَطَعْتَ أَنْ تُصَلِّيَهَا فِي كُلِّ يَوْمٍ مَرَّةً فَافْعَلْ، فَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَفِي كُلِّ جُمُعَةٍ مَرَّةً، فَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ

فَفِي كُلِّ شَهْرٍ مَرَّةً، فَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَفِي كُلِّ سَنَةٍ مَرَّةً، فَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَفِي عُمُرِكَ مَرَّةً[22].

"Wahai Abbas! Wahai bapa saudaraku! Mahukah kamu sekiranya saya berikan sesuatu kepadamu? Mahukah kamu sekiranya saya anugerahkan sesuatu kepadamu? Mahukah kamu saya kurniakan sesuatu kepadamu? Apakah kamu mahu saya beritahu kepadamu sepuluh perkara[23] yang apabila kamu

---

22 Al Hafiz Muhammad Syams al Haq al Azim al Abadi, '**Aun al Ma'bud Syarh Sunan Abi Daud**, Jilid 4, H: 124-126. Hadith no: 1293.

23 Sebahagian ulama' menyatakan makna sepuluh perkara ialah sepuluh jenis dosa sebagaimana yang disebut di dalam hadith; dosa yang awal dan akhir, yang lama dan baru, tersalah dan disengajakan, kecil dan besar, dilakukan secara sembunyi-sembunyi dan terang-terangan.

lakukannya, Allah akan mengampunkan dosamu, yang awal dan akhir, yang lama dan baru, yang tersalah dan disengajakan, yang kecil dan besar, yang dilakukan secara sembunyi-sembunyi atau terang-terangan: Sepuluh perkara itu ialah solat empat raka'at. Dibaca pada setiap raka'at Fatihah al Kitab dan satu surah. Apabila kamu telah selesai membacanya pada raka'at pertama[24] dan ketika kamu masih berdiri, maka bacalah:

سُبْحَانَ اللهِ، وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ، وَلَا إِلٰهَ إِلَّا اللهُ، وَاللهُ أَكْبَرُ

(Maha Suci Allah, segala puji bagi Allah, tiada Tuhan melainkan Allah dan Allah Maha Besar)

Manakala sebahagian yang lain berpendapat maksud sepuluh perkara ialah tasbih-tasbih, tahmid-tahmid, tahlil-tahlil dan takbir-takbir yang dibaca selain dari yang dibaca semasa berdiri.

24 Sebelum ruku'.

sebanyak 15 kali. Kemudian hendaklah kamu ruku' dan membacanya ketika kamu sedang ruku' sebanyak 10 kali[25]. Kemudian angkat kepalamu dari ruku', maka hendaklah kamu membacanya sebanyak 10 kali[26]. Kemudian sujud dan kamu membacanya sebanyak 10 kali[27]. Kemudian angkat kepala kamu dari sujud dan membacanya sebanyak 10 kali. Kemudian sujud[28] dan kamu membacanya sebanyak 10 kali. Kemudian angkat kepalamu dan kamu

---

[25] Iaitu selepas membaca tasbih yang biasa dibaca ketika ruku' (سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيْمِ وَبِحَمْدِهِ).

[26] Selepas tasmi' (سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ) dan tahmid: (رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ).

[27] Iaitu selepas membaca tasbih sujud: (سُبْحَانَ رَبِّيَ الأَعْلَىٰ وَبِحَمْدِهِ)

[28] Sujud kedua.

membacanya sebanyak 10 kali. Maka yang demikian itu, menjadi sebanyak 75 tasbih pada setiap raka'at. Kamu lakukan sedemikian pada keempat-empat raka'at. Sekiranya kamu mampu melakukannya pada setiap hari sekali maka lakukanlah. Sekiranya kamu tidak mampu melakukannya, maka lakukanlah pada setiap Jumaat sekali. Sekiranya kamu tidak mampu melakukannya, maka lakukanlah pada setiap bulan sekali. Sekiranya kamu tidak mampu melakukannya, maka lakukanlah pada setiap tahun sekali. Sekiranya kamu tidak mampu juga melakukannya, maka lakukanlah sekali seumur hidup kamu."

Dalam riwayat al Tabrani:

فَلَوْ كَانَتْ ذُنُوْبُكَ مِثْلَ زَبَدِ الْبَحْرِ أَوْ رَمْلِ عَالِجٍ غَفَرَهَا اللهُ لَكَ

"Sekiranya dosa-dosa kamu sebanyak buih di lautan atau pasir di pantai, nescaya Allah ampunkannya bagi kamu."

Telah berkata al Hafiz Solah al Din al 'Alaei: Hadith Solat Tasbih ini ialah hadith sahih atau hasan.

Imam al Bulqini berkata di dalam **al Tadrib**: Hadith Solat Tasbih adalah sahih dan mempunyai jalan-jalan yang saling menyokong di antara satu sama lain. Maka ia adalah Sunnah yang sepatutnya diamalkan.

Abdul Aziz ibn Abu Daud berkata:

مَنْ أَرَادَ الْجَنَّةَ فَعَلَيْهِ بِصَلَاةِ التَّسَابِيْحِ.

"Sesiapa yang menghendaki syurga, maka hendaklah dia mengerjakan solat Tasbih."

Abu Uthman al Khairi al Zahid berkata: Saya tidak pernah melihat suatu kepayahan dan kesusahan sepertimana melakukan solat Tasbih.

Al Tabrani menambah di dalam **Mu'jam al Ausot**, bahawa Rasulullah ﷺ berdoa dalam solat Tasbih selepas tasyahhud dan sebelum salam dengan doa berikut:

اللّٰهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ تَوْفِيقَ أَهْلِ الْهُدَى، وَأَعْمَالَ أَهْلِ الْيَقِينِ، وَمُنَاصَحَةَ أَهْلِ التَّوْبَةِ، وَعَزْمَ أَهْلِ الصَّبْرِ، وَحَذَرَ أَهْلِ الْخَشْيَةِ، وَتَعَبُّدَ أَهْلِ الْوَرَعِ، وَعِرْفَانَ أَهْلِ الْعِلْمِ، حَتَّى أَخَافَكَ. اللّٰهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مَخَافَةً تَحْجِزُنِي عَنْ مَعَاصِيكَ، وَحَتَّى أَعْمَلَ بِطَاعَتِكَ عَمَلًا أَسْتَحِقُّ بِهِ الرِّضَا، وَحَتَّى أُنَاصِحَكَ فِي التَّوْبَةِ

خَوْفًا مِنْكَ، وَحَتَّى أُخْلِصَ لَكَ النَّصِيحَةَ حُبًّا لَكَ، وَحَتَّى أَتَوَكَّلَ عَلَيْكَ فِي الْأُمُورِ كُلِّهَا، حُسْنَ ظَنٍّ بِكَ، سُبْحَانَ خَالِقِ النُّورِ، رَبَّنَا أَتْمِمْ لَنَا نُورَنَا وَاغْفِرْ لَنَا إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

"Ya Allah, aku memohon kepadaMu taufiq orang yang mendapat petunjuk, amalan orang yang yakin, keikhlasan ahli taubat, keazaman orang yang bersabar, kewaspadaan orang yang takut kepadaMu, 'ubudiyyah orang yang wara' dan makrifah ahli ilmu sehingga aku berasa takut terhadapMu. Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepadaMu sifat takut yang boleh mencegahku daripada melakukan maksiat kepadaMu sehingga aku dapat melakukan

dengan ketaatan kepadaMu amalan yang melayakkan aku mencapai keredhaanMu sehingga aku benar-benar bertaubat kepadaMu lantaran takut terhadapMu, sehingga aku benar-benar tulus terhadap nasihatMu lantaran kasih kepadaMu, sehingga aku bertawakkal kepadaMu dalam semua perkara lantaran bersangka baik terhadapMu. Maha Suci Engkau yang menciptakan cahaya. Wahai Tuhan kami, sempurnakanlah cahaya kami dan ampunkanlah dosa kami. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas setiap sesuatu. Dengan rahmatMu, wahai Tuhan yang Maha Pengasih dari segala yang mengasihani."[29]

[29] Hadith Riwayat al Tirmizi di dalam Sunannya 2/350. Hadith no. 482.

DOA MALAM NISFU SYA'BAN

Ini ialah doa yang ma'thur dan masyhur. Daripada Abdullah ibn Mas'ud ﵁ berkata:

مَا دَعَا عَبْدٌ قَطُّ بِهٰذِهِ الدَّعَوَاتِ إِلَّا وُسِّعَ عَلَيْهِ فِي مَعِيْشَتِهِ.

"Tidaklah seseorang hamba yang berdoa dengan doa-doa ini, melainkan akan diluaskan kehidupannya."[30]

---

[30] Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah di dalam **al Musannaf al Hadith wa al Athar** Jilid 7, H: 85 dan Ibnu Abi al Dunya di dalam **al Doa'** dan juga dari riwayat Ibni Umar ﵄.

Doanya ialah:

اللّٰهُمَّ يَا ذَا الْـمَنِّ وَلَا يُمَنُّ عَلَيْهِ، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالإِكْرَامِ، يَا ذَا الطَّوْلِ وَالإِنْعَامِ، لَا إِلٰهَ إِلَّا أَنْتَ، ظَهْرَ اللَّاجِئِيْنَ، وَجَارَ الْـمُسْتَجِيْرِيْنَ، وَمَأْمَنَ الْخَائِفِيْنَ، إِنْ كُنْتَ كَتَبْتَنِي عِنْدَكَ فِي أُمِّ الْكِتَابِ شَقِيًّا فَامْحُ عَنِّي اِسْمَ الشَّقَاوَةِ وَأَثْبِتْنِي عِنْدَكَ سَعِيْدًا، وَإِنْ كُنْتَ كَتَبْتَنِي عِنْدَكَ فِي أُمِّ الْكِتَابِ مَحْرُوْمًا مُقْتَرًّا عَلَيَّ رِزْقِي فَامْحُ حِرْمَانِي، وَيَسِّرْ رِزْقِي، وَأَثْبِتْنِي عِنْدَكَ سَعِيْدًا مُوَفَّقًا لِلْخَيْرَاتِ، فَإِنَّكَ تَقُوْلُ فِي كِتَابِكَ الَّذِيْ أَنْزَلْتَ: يَمْحُوا۟ ٱللَّهُ مَا يَشَآءُ وَيُثْبِتُ ۖ وَعِندَهُۥٓ أُمُّ ٱلْكِتَـٰبِ ﴿٣٩﴾

[31]إِلٰهِيْ، بِالتَّجَلِّي الأَعْظَمِ فِي لَيْلَةِ النِّصْفِ مِنْ شَهْرِ شَعْبَانَ الْمُكَرَّمِ الَّتِي يُفْرَقُ فِيْهَا كُلُّ أَمْرٍ حَكِيْمٍ وَيُبْرَمُ، نَسْأَلُكَ أَنْ تَكْشِفَ عَنَّا مِنَ الْبَلَاءِ مَا نَعْلَمُ وَمَا لَا نَعْلَمُ وَمَا أَنْتَ بِهِ أَعْلَمُ، إِنَّكَ أَنْتَ الأَعَزُّ الأَكْرَمُ، وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الأُمِّيِّ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

“Ya Allah, wahai Tuhan yang mempunyai pemberian dan tidak ada sesiapa yang memberi kepadaNya. Wahai Tuhan yang Maha Agung dan Maha Mulia, wahai Tuhan yang mempunyai kekuatan dan nikmat, tiada Tuhan melainkan Engkau, Penolong bagi orang yang datang berlari kepadaMu, Penjaga orang yang meminta perlindungan, Pengaman orang-orang yang

---

[31] Doa dari sini adalah tambahan oleh Syeikh Ma’ al ‘Ainain di dalam **Na’t al Bidayat.**

takut, sekiranya Engkau menulis akan daku di sisiMu di dalam Ibu Segala Suratan sebagai orang yang celaka, maka padamkanlah namaku daripada kumpulan orang yang celaka itu dan tetapkanlah daku di sisiMu sebagai orang yang bahagia. Sekiranya Engkau menulis namaku di sisiMu di dalam Ibu Segala Suratan sebagai orang yang diharamkan dari rezekiku, maka hapuskanlah pengharaman ke atasku itu dan permudahkanlah rezekiku serta tetapkanlah daku di sisiMu sebagai orang yang bahagia dan mendapat taufiq untuk melakukan kebaikan kerana Engkau telah berfirman di dalam KitabMu yang telah Engkau turunkan:

يَمْحُواْ ٱللَّهُ مَا يَشَآءُ وَيُثْبِتُۖ وَعِندَهُۥٓ أُمُّ ٱلْكِتَٰبِ ﴿٣٩﴾[32]

---

32 Al Ra'd: 39.

"Allah menghapuskan apa jua yang dikehendakiNya dan Dia juga menetapkan apa jua yang dikehendakiNya. Dan ingatlah di sisiNya ada 'Ibu Segala Suratan'."

"Tuhanku dengan tajalliMu yang Maha Agung pada malam Nisfu Sya'ban yang mulia, yang pada malam itu dijelaskan kepada malaikat tiap-tiap perkara yang mengandungi hikmat serta tetap berlaku (tidak berubah atau bertukar),[33]

---

[33] Firman Allah ﷻ dalam surah al Dukhan ayat 4 ini mempunyai beberapa pendapat ulama'. Kebanyakan Ahli Tafsir menyatakan bahawa malam yang dimaksudkan dalam ayat ialah malam Lailatul Qadar. Manakala 'Ikrimah dan lain-lainnya berpendapat malam tersebut ialah **Lailah al Bara'ah** (Malam Pelepasan) iaitu malam Nisfu Sya'ban. Dikatakan, semua ajal dipindahkan pada malam Nisfu Sya'ban dan disempurnakan pada malam Lailatul Qadar **(Tafsir al Qurtubi** Jilid 16 H:128).

kami memohon kepadaMu agar Engkau menghapuskan daripada kami sebarang bala yang kami ketahui, yang tidak kami ketahui dan yang lebih Engkau ketahui. Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Perkasa dan Maha Mulia. Salawat dan salam ke atas penghulu kami Muhammad Nabi yang ummi dan ke atas ahli keluarganya serta sahabat-sahabatnya.”

NASIHAT DAN PENGAJARAN

KISAH TAUBAT MALIK IBN DINAR

Diriwayatkan oleh Ibnu al Jauzi di dalam kitabnya **al Tawwabin**, daripada Malik ibn Dinar, bahawa beliau ditanya tentang sebab beliau bertaubat, maka katanya:

"Semasa saya bekerja sebagai seorang anggota polis, saya membeli seorang jariah yang cantik. Hubungan kami berjalan dengan baik sehingga kami mendapat seorang anak perempuan yang amat saya sayangi. Apabila dia makin membesar dan telah pandai merangkak, kasih sayang saya makin mendalam terhadapnya. Namun, apabila

umurnya telah genap dua tahun, dia meninggal dunia. Kematiannya menyebabkan saya dirundung kesedihan.

Suatu malam, bertepatan dengan malam Nisfu Sya'ban dan malam Jumaat, saya bermimpi seolah-olah hari Kiamat berlaku, ditiup sangka kala, mayat-mayat dibangkitkan dari kubur dan semua makhluk dikumpulkan. Saya berada bersama-sama mereka. Tiba-tiba, saya mendengar suatu suara dari arah belakang, lalu saya pun menoleh ke arah suara tersebut. Alangkah terperanjatnya, apabila saya mendapati seekor ular naga yang amat besar dan berwarna hitam kebiru-biruan sedang membuka mulutnya dan dengan tangkas menuju ke arah saya. Saya berlari lintang-pukang dengan penuh ketakutan untuk menyelamatkan diri. Kemudian saya menemui

seorang tua di jalan yang sedang saya lalui. Dia memakai baju yang bersih dan amat harum. Saya memberi salam kepadanya dan dia membalas salam saya.

“Wahai tuan! Selamatkanlah saya dari ular ini. Moga-moga Allah akan menyelamatkan kamu pula,” kata saya kepadanya.

“Saya terlalu lemah, sedangkan ular itu lebih kuat daripada saya. Pergilah kamu dengan segera, mudah-mudahan Allah akan menemukan kamu dengan orang yang akan menyelamatkan kamu dari ular tersebut,” kata orang tua itu sambil menangis.

Saya pun terus berlari dan mendaki salah sebuah tempat yang tinggi sehingga neraka berada di hadapan saya. Hampir-hampir saya terjatuh ke dalamnya kerana terlalu takut.

Kemudian saya mendengar suatu teriakan, “Kembalilah kamu kerana kamu bukanlah dari kalangan ahlinya (neraka).”

Saya berasa lega dan tenang mendengar kata-kata itu dan kembali semula. Tetapi ular tadi kembali mengejar saya. Saya mendapatkan orang tua tadi dan berkata kepadanya, “Wahai orang tua! Saya benar-benar meminta pertolonganmu agar kamu menyelamatkan saya daripada ular itu, tetapi kamu tidak mahu menolong saya.”

“Saya terlalu lemah. Pergilah kamu ke bukit sana kerana di dalamnya terdapat barang-barang peninggalan kaum Muslimin. Sekiranya barang peninggalan kamu ada di dalamnya, sudah tentu ia akan memberikan pertolongan kepadamu,” kata orang tua itu sambil menangis.

Saya memandang ke arah bukit yang dikatakannya. Ternyata bukit itu dikelilingi oleh perak dan di dalamnya terdapat pintu-pintu gerbang yang digantung dengan tabir. Di atas setiap pintu gerbang itu terdapat pintu daripada emas merah yang diselangi oleh mutiara yang bersadur dengan permata. Di atas setiap pintu, ditabiri dengan kain sutera. Lalu saya pun berlari menuju ke arah bukit itu. Ular tadi masih mengekori saya sehinggalah saya berada hampir dengan bukit itu, saya mendengar sebahagian para malaikat berteriak, “Angkatlah tabir! Bukalah pintu dan lihatlah! Moga-moga ada di antara kalian yang menjadi barang simpanan orang yang berputus-asa ini dan dapat menyelamatkannya daripada musuhnya.”

Setelah pintu-pintu dibuka, saya melihat di dalamnya terdapat kanak-kanak yang

bercahaya seperti bulan purnama. Ular tadi makin mendekati saya dan saya menjadi bingung.

“Celaka! Lihatlah kalian! Musuhnya telah berada dekat dengannya dan hampir-hampir menelannya,” sebahagian kanak-kanak itu berteriak.

Maka tiba-tiba anak perempuan saya melihat saya dan menangis lalu berkata, “Bapa saya, demi Allah!”

Kemudian dia melompat ke arah saya hingga berada di sisi saya. Setelah itu, dia menghulurkan tangan kirinya ke tangan kanan saya dan saya pun berpaut dengannya. Kemudian dia menghalau ular tadi dengan tangan kanannya dan ular itu pun lari. Setelah mendudukkan saya, dia pun duduk di atas riba

saya sambil tangan kanannya mengusap janggut saya, lalu berkata, "Wahai bapaku! (lalu dia membacakan sepotong ayat al Quran):

۞أَلَمۡ يَأۡنِ لِلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَن تَخۡشَعَ قُلُوبُهُمۡ لِذِكۡرِ ٱللَّهِ

"Belum sampaikah lagi masanya bagi orang-orang yang beriman, untuk khusyu' hati mereka mematuhi peringatan dan pengajaran Allah."[34]

Saya menangis mendengarnya dan berkata, "Wahai anakku! Kamu semua mengetahui tentang al Quran?"

"Kami lebih mengetahuinya daripada kamu," katanya.

"Beritahulah kepada saya tentang ular yang ingin membinasakan saya tadi," saya meminta penjelasan.

---

[34] Al Hadid: 16.

"Itulah amalan burukmu yang telah kamu berikan kekuatan kepadanya dan dia hendak menenggelamkan kamu ke dalam api neraka Jahannam," jawabnya.

"Siapa pula orang tua yang saya lihat tadi?" saya bertanya.

"Dia ialah amalan solehmu yang telah kamu lemahkannya sehingga dia tidak mampu untuk menewaskan amalan burukmu itu," jawabnya.

"Wahai anakku! Apakah yang kamu lakukan di dalam bukit ini?" saya bertanya lagi.

"Anak-anak kecil kaum Muslimin diletakkan di sini sehingga Hari Kiamat untuk menunggu kalian supaya datang kepada kami dan kami akan memberikan pertolongan kepada kalian," jawabnya.

Malik ibn Dinar berkata, “Maka saya pun terjaga. Mulai saat itu, saya memusnahkan semua peralatan yang melalaikan dan meninggalkan segala maksiat. Saya berjanji pada diri saya untuk bertaubat kepada Allah dan Allah telah menerima taubat saya.”

KEWAJIPAN SEGERA BERTAUBAT

Wahai saudaraku! Hendaklah kamu segera bertaubat meminta keampunan.

Hendaklah kamu melazimi menghidupkan malam Nisfu Sya’ban sekiranya kamu inginkan kejayaan daripada Allah. Telah berlalu bulan Rejab yang mubarak dan malam yang berkat ini ialah malam Nisfu Sya’ban, namun kamu masih

lagi berada di takuk yang lama dalam kelalaian dan dosa pada setiap masa.[35]

---

[35] Penterjemah meriwayatkan kitab ini daripada al 'Arif billah Sayyid Ahmad Malik al 'Arabi al Sanusi, daripada al Imam Sayyid Muhammad Idris al Sanusi, daripada al Mujahid Sayyid Ahmad al Syarif al Sanusi, daripada al Imam Sayyid Muhammad al Mahdi dan al Imam Sayyid Muhammad al Syarif, kedua-duanya meriwayatkan daripada ayahanda mereka berdua al Imam al Akbar Sayyid Muhammad ibn Ali al Sanusi, daripada syeikhnya al Imam al Akbar Sayyid Ahmad ibn Idris, daripada Sayyid Abdul Wahhab al Tazi, daripada Abi Salim al 'Ayyasyi, daripada Syeikh Hasan ibn Ali al 'Ujaimi al Makki, daripada al Muhaddith al Syam Muhammad ibn al 'Ala' al Babili, daripada pengarangnya al Muhaddith Sayyid Salim ibn Muhammad al Sanhuri.

PENDAPAT SALAF TENTANG MALAM NISFU SYA'BAN[36]

Telah berkata Ibnu Rajab di dalam kitab **Lataif al Ma'arif** H:18: Para tabi'en di kalangan penduduk Syam seperti Khalid ibn Ma'dan, Makhul, Luqman ibn 'Amir dan lain-lain kesemuanya membesarkan malam Nisfu Sya'ban dan bersungguh-sungguh beribadah pada malam tersebut. Dari perbuatan mereka,

[36] Tambahan daripada penterjemah. Dinaqalkan daripada kitab **Lailah al Nisf min Sya'ban fi Mizan al Insaf al 'Ilmi** karangan Syeikh Muhammad Zaki Ibrahim H: 20-24.

manusia telah mengikutnya dan membesarkan malam tersebut.

Sependapat dengan mereka membesarkan malam Nisfu Sya'ban ialah kumpulan ahli ibadah dari penduduk Basrah dan lain-lainnya.

Kemudian di dalam kitab tersebut, disebut nama-nama ulama' yang menyalahi pendapat mereka.

Dinaqalkan daripada ulama' Syam bahawa golongan ini terdiri daripada dua golongan:

Pertama:

Golongan yang berpendapat sunat menghidupkan malam tersebut secara berjema'ah. Mereka memakai pakaian yang cantik, memasang wangi-wangian dan

beribadah pada malam tersebut di dalam masjid. Sependapat dengan mereka ialah Ishaq ibn Rahawaih, guru kepada Imam al Bukhari رحمه الله.

Kedua:

Golongan yang mengharuskan malam tersebut dihidupkan di dalam rumah dan menghukum makruh menghidupkannya di dalam masjid. Ini ialah pendapat al Auza'ei yang merupakan imam penduduk Syam dan ulama' besar mereka.

Manakala Ibnu Rajab memilih pendapat yang kedua.

Pada salah satu daripada dua riwayat daripada Imam Ahmad ibn Hanbal رضي الله عنه, beliau menghukum sunat menghidupkan malam Nisfu Sya'ban kerana ia dilakukan oleh Abdur

Rahman ibn Yazid ibn al Aswad (tabi'en) dan kumpulan ulama' besar feqah penduduk Syam.

Berkata al Muhaddith Syeikh Muhammad Zaki Ibrahim رحمه الله: Maka cukuplah kita bersandarkan kepada pegangan Imam Ahmad dan tabi'en yang merupakan ahli feqah yang alim dan wara' sebagai mengharuskan amalan menghidupkan malam Nisfu Sya'ban secara berjama'ah.

PERISTIWA PERTUKARAN ARAH KIBLAT

Di samping kemuliaan malam Nisfu Sya'ban, ia juga mempunyai peristiwa bersejarah yang begitu bermakna kepada umat Islam. Pada siangnya, Allah ﷾ telah menukar Kiblat umat Islam dari Bait al Maqdis ke Bait al Haram sebagai menyahut dan memperkenankan permintaan dan keinginan Rasulullah ﷺ.

Pada ketika itu, kebanyakan orang Yahudi mencaci Rasulullah ﷺ kerana Baginda ﷺ solat menghadap ke Bait al Maqdis sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim عليه السلام. Lalu Baginda ﷺ mengangkat mukanya ke

langit memohon kepada Allah ﷻ agar menukarkan Kiblat ke arah yang dikehendakinya untuk menghentikan ejekan orang-orang Yahudi terhadapnya.

Maka ketika Baginda ﷺ mengerjakan solat Zuhur di dalam masjid Bani Salamah dalam keadaan menghadap ke Masjid al Aqsa di Syam, turun wahyu daripada Allah dalam firmanNya yang berbunyi:

فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ ۚ وَحَيْثُ مَا كُنتُمْ فَوَلُّوا۟ وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُۥ ۗ[37].

“Palingkanlah mukamu ke arah Masjid al Haram dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah mukamu ke arahnya.”

---

[37] Al Baqarah: 144.

Ketika itu, Baginda ﷺ telah melepasi solat dua raka'at dalam keadaan menghadap ke Bait al Maqdis. Setelah diturunkan wahyu, Baginda ﷺ menyambung solatnya pada dua raka'at yang terakhir dengan menghadap ke arah Masjid al Haram. Oleh kerana itulah, masjid tersebut dinamakan Masjid al Qiblatain (masjid dua Kiblat). Masjid inilah yang sering diziarahi oleh umat Islam yang pergi menziarahi Madinah untuk melihat kesan-kesan sejarah dan kebesaran Islam.

Sebahagian ulama' menyatakan bahawa Rasulullah ﷺ juga menunaikan solat Asar di masjid tersebut dalam keadaan menghadap ke Ka'bah untuk memperkuatkan lagi hukum tersebut dan menetapkannya bagi seluruh kaum Muslimin.

وَصَلَّى اللهُ عَلَىٰ خَيْرِ خَلْقِهِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،
وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.